Arahan soalan,berdasarkan tulis jenis iklim berdasarkan penyataan di bawah.

LIVEWORKSHEETS

Kawasan

Meliputi kawasan Kanada Timur, Timur Laut Amerika Syarikat, China (utara) dan Manchuria, Korea Utara, Jepun (utara) serta Patagonia di Amerika Selatan

Hujan

- Hujan turun sepanjang tahun
- Hujan tahunan antara 500 mm hingga 1000 mm
- Hujan lebih banyak pada musim panas
- Salji turun pada musim sejuk

Angin

- Arus sejuk merendahkan suhu di kawasan pantai Jepun, China, Korea Utara dan kawasan Siberia
- Angin monsun Barat Laut bertiup dari darat menyebabkan musim dingin adalah kering

Suhu

- Min suhu tahunan adalah antara 9°C hingga 17°C
- Pada musim panas, suhu adalah sederhana panas dan singkat, iaitu antara 21°C hingga 26°C
- Pada musim sejuk, suhu adalah sangat sejuk, iaitu kira-kira -6°C hingga 10°C
- Julat suhu tahunan adalah antara 20°C hingga 30°C

Iklim

Angin

Kawasan Gurun Arab panas dan kering sepanjang tahun kerana Angin Timuran yang bertiup dari kawasan darat adalah angin kering dan tidak membawa hujan

Hujan

Jumlah hujan tahunan di Gurun Arab adalah kurang daripada 250 mm

Kawasan

- Gurun Arab yang terletak di Asia Barat mengalami iklim Gurun Panas
- Gurun Arab meliputi negara Jordan, Iraq, Kuwait, Oman, Qatar, Arab Saudi, Emiriah Arab Bersatu dan Yamen

Suhu

- Min suhu tahunan di Gurun Arab ialah 25°C
- Suhu pada waktu siang di Gurun Arab adalah tinggi, iaitu antara 32°C hingga 36°C kerana langit tidak berawan
- Suhu pada waktu malam adalah lebih sejuk, iaitu kira-kira 5°C
- Julat suhu tahunan adalah antara 17°C hingga 20°C

LIVEWORKSHEETS